

# PM yakin MTJA jadi model penyelesaian

22 APR 1994

**K**UALA LUMPUR 21 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Lembaga Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) akan menjadi model penyelesaian terhadap sebarang tuntutan bertindih yang melibatkan sumber mewah semula jadi.

Dr. Mahathir juga yakin, MTJA dengan komitmen yang ditunjukkan oleh ahli lembaga, pegawai dan pihak yang terlibat akan mencapai kejayaan dalam usaha untuk faedah kedua-dua negara.

“Saya berharap perjanjian ini akan meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara dan membantu pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis menandatangani perjanjian kontrak berkongsi pengeluaran antara Malaysia dan Thailand, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai yang dalam rangka lawatan kerja sehari ke Malaysia.

Katanya, kedua-dua negara perlu melihat ke hadapan untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang-bidang lain yang boleh membawa faedah untuk rakyat di samping menyumbangkan ke arah Asia Tenggara yang aman, makmur dan stabil.

## Tuntutan

Dr. Mahathir berkata, 15 tahun lalu, bekas Perdana Menteri, Tun Hussein On dan bekas Perdana Menteri Thailand Jenderal Kriangsak Chomanan dalam usaha mereka untuk me-

nyelesaikan isu tuntutan bertindih di Teluk Thailand telah melahirkan idea untuk menubuhkan lembaga bersama sebagai mekanisme untuk men-carigali sumber petroleum sementara menunggu penyelesaian terakhir dicapai.

“Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani bagi tujuan tersebut. MOU ini mempunyai pandangan jauh dan menunjukkan visi kedua-dua pemimpin ketika itu,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, MOU

berkenaan juga adalah satu pendekatan pragmatik dalam perkongsian sumber-sumber petroleum dengan semangat kejiranan dan setia-kawanan.

## Hubungan

Sementara itu, Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai ketika berucap di majlis yang sama juga berharap, kerjasama berkenaan akan mengeratkan hubungan dua hala dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi.